

Jawatankuasa Pusat ambil ketetapan kekalkan Keng Yaik Presiden Gerakan

19 OCT 2003

KUALA LUMPUR 18 Okt. — Jawatankuasa Pusat parti Gerakan yang bermesyuarat hari ini mengambil satu ketetapan bagi mengekalkan Datuk Seri Lim Keng Yaik sebagai Presiden.

Timbalan Presiden Gerakan, Datuk Kerk Choo Ting berkata, jawatankuasa tersebut sebulat suara memberi kepercayaan kepada Keng Yaik untuk terus menerajui parti berdasarkan pengalaman luas beliau.

Katanya, pengalaman tersebut amat diperlukan bagi memastikan parti terus kukuh dan stabil.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Mesyuarat Bulanan Jawatankuasa Pusat parti itu di sini, hari ini.

Keng Yaik, 64, ketika mengulas perkara itu berkata, beliau tidak pernah meminta untuk dikekalkan dalam jawatan yang dipegangnya sebaliknya ahli-ahli parti sendiri yang mahukan sedemikian.

Keng Yaik menambah, beliau pernah menyuarakan hasratnya untuk berundur dua tahun lalu tetapi diminta untuk terus menerajui parti sehingga hari ini.

Dalam satu temu bual dengan *Bernama* baru-baru ini, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ahli-ahli veteran Barisan Nasional (BN) perlu berundur bagi memberi peluang kepada muka-muka baru

dan perlu membantu berkempen bagi menjamin kemenangan calon-calon baru ini dalam pilihan raya umum akan datang.

Keng Yaik ketika diminta mengulas berhubung kenyataan itu berkata, ahli veteran BN perlu mengundurkan diri sekiranya parti berada dalam keadaan stabil dan ada calon pengganti yang benar-benar layak.

Katanya, beliau sendiri sedia berundur jika diminta berbuat demikian oleh ahli-ahli parti.

Pasukan khas

“Akan tiba masanya nanti, saya akan berbincang dengan parti untuk memberi peluang kepada saya berundur dan berehat,” katanya lagi.

Mengenai mesyuarat hari ini, beliau memberitahu, Gerakan memutuskan bahawa pemilihan ketua-ketua bahagian untuk penggal baru ditangguhkan sehingga selesai pilihan raya umum walaupun penggal sekarang akan tamat Mac tahun depan.

Keng Yaik memberitahu, Gerakan juga telah menubuhkan sebuah pasukan khas yang diketuainya sendiri bagi mengukuhkan kedudukan parti.